

KESAN PINJAMAN TERHADAP KEHIDUPAN INDIVIDU DI MALAYSIA

THE IMPACT OF LOANS ON INDIVIDUALS' LIVES IN MALAYSIA

Mohd Azam Yahya*

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

Shahrul Hilmi Othman

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

Suhaimi Abu Hassan

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

Noor Jeffri Abd Wahab

Fakulti Perniagaan, Hospitaliti dan Teknologi, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

Hana Duerama

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

**Corresponding Author's Email: azamyahya@unimel.edu.my*

Article History:

Received : 26 August 2025

Accepted : 14 November 2025

Published : 24 December 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Yahya, M. A., Othman, S. H., Abu Hassan, S., Abd Wahab, N. J. & Duerama, H. (2025). Kesan Pinjaman Terhadap Kehidupan Individu Di Malaysia. *Jurnal 'Ulwan*, 10(2), 215-226.

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan kesan pinjaman terhadap kehidupan individu di Malaysia daripada perspektif ekonomi dan sosial serta selari dengan pandangan Islam. Kajian ini bertujuan meneliti kesan baik dan kesan tidak baik amalan pinjaman, khususnya pinjaman peribadi, terhadap kehidupan individu dan penjawat awam. Metodologi kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif melalui analisis kepustakaan dengan merujuk sumber-sumber berautoriti seperti laporan rasmi,

akhhbar dan bahan ilmiah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pinjaman mampu memberi manfaat seperti penyusunan semula kewangan, pemilikan aset dan peluang perniagaan. Namun, pinjaman yang tidak diurus dengan baik boleh membawa kepada kebangkrutan, tekanan hidup, kemerosotan prestasi kerja, masalah kesihatan dan keruntuhan institusi keluarga. Oleh itu, pengurusan hutang secara berhemah amat penting demi kesejahteraan individu dan kestabilan ekonomi negara.

Kata kunci: pinjaman peribadi, hutang isi rumah, kesejahteraan individu

ABSTRACT

This article examines the impact of loans on individuals' lives in Malaysia from economic and social perspectives, in line with Islamic views. The study aims to analyse both the positive and negative effects of borrowing practices, particularly personal loans, on the lives of individuals and civil servants. The research adopts a qualitative methodology through library-based analysis, drawing on authoritative sources such as official reports, newspapers, and scholarly materials. The findings indicate that loans can provide benefits such as financial restructuring, asset ownership, and business opportunities. However, poorly managed loans may lead to bankruptcy, life stress, declining work performance, health problems, and the breakdown of family institutions. Therefore, prudent debt management is crucial for individual well-being and national economic stability.

Keywords: personal loans, household debt, individual well-being

1.0 PENDAHULUAN

Hutang merupakan istilah dalam Bahasa Melayu yang digunapakai dalam urusan pinjam meminjam. Menurut Kamus Dewan (2007), hutang membawa pengertian sebagai wang atau barangan yang diberikan kepada seseorang untuk kegunaan sementara waktu dan perlu dikembalikan semula pada waktu yang telah dijanjikan. Maknanya, berhutang merupakan suatu proses atau tindakan menerima wang dan barangan sebagai hak milik secara sementara dan dikehendaki untuk memulangkannya semula apabila dikehendaki dan telah sampai waktu serta tempoh yang telah dipersetujui. Islam tidak melarang umatnya berhutang tetapi ia tidak digalakkan sekiranya membawa kepada bebanan kepada kedua-dua belah pihak. Rasulullah SAW menegaskan bahawa urusan hutang piutang ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia akan berpanjangan hingga ke akhirat sekiranya tidak diselesaikan di dunia lagi.

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i :

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَوْ أَنَّ رَجُلًا قُتِلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ أُحْيِيَ ثُمَّ قُتِلَ ثُمَّ أُحْيِيَ ثُمَّ قُتِلَ
قُتِلَ وَعَلَيْهِ دَيْنٌ مَا دَخَلَ الْجَنَّةَ حَتَّى يُقْضَى عَنْهُ دَيْنُهُ

Maksudnya: *"Demi Tuhan yang diriku di tangan Nya, jika seorang lelaki itu terbunuh di jalan Allah, kemudian dia dihidupkan semula, kemudian dia terbunuh lagi, kemudian dia dihidupkan lagi, kemudian dia terbunuh lagi dalam keadaan dia menanggung hutang, ia tetap tidak akan dapat masuk syurga selagi belum melangsaikan hutangnya."*

Hadis riwayat al-Tirmidzi:

نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعَلَّقَةٌ بِدَيْنِهِ حَتَّى يُقْضَى عَنْهُ

Maksudnya: *"Roh seseorang mukmin itu tergantung-gantung (yakni dihalang daripada tempat yang mulia) dengan sebab hutangnya sehinggalah hutangnya itu diunaskan bagi pihaknya."*

Rasulullah SAW juga bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah :

مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ دَيْنٌ أَوْ دَرَاهِمٌ قُضِيَ مِنْ حَسَنَاتِهِ لَيْسَ ثَمَّ دِينَارٌ وَلَا دِرْهَمٌ

Maksudnya: *"Sesiapa mati, sedangkan dia masih menanggung hutang satu dinar atau satu dirham, maka akan diambil ganti daripada kebbaikannya, kerana di sana tidak ada dinar dan tiada dirham."*

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Timbalan Menteri Kewangan sebelum ini iaitu Datuk Ahmad Maslan pernah berkata pada tahun 2014 semasa merasmikan Program Kesedaran dan Program Pendidikan di Pontian, Johor, hutang isi rumah negara mencecah RM800 bilion atau 89.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Pelbagai faktor penyumbang kepada peratusan hutang isi rumah Negara seperti pinjaman peribadi, perumahan dan kad kredit; peratusan ini juga turut disumbang oleh hutang berpanjangan golongan berpendapatan bawah RM3,000. Kenyataan yang dibuat oleh Datuk Ahmad Maslan adalah berpandukan kepada amalan gaya hidup mewah dalam kalangan peminjam. Pada tahun 2015 pula, kedudukan paras hutang isi rumah negara adalah 89.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menurut Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong pula memberitahu Dewan Negara bahawa sebahagian besar pinjaman yang dibuat adalah bagi tujuan pengumpulan aset dan kekayaan. Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh dua individu yang pernah menjawat jawatan perbendaharaan Negara, didapati bahawa terdapat kebaikan dan keburukan terhadap pinjaman yang dibuat. Pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah membahagikan penggunaan pinjaman kepada dua kategori iaitu pinjaman baik dan pinjaman tidak baik. Oleh itu, pinjaman peribadi yang dibuat akan

mempengaruhi kesan dalam kehidupan penjawat awam sama ada membawa kepada kehidupan yang lebih baik atau membawa kepada situasi yang tidak baik.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu kepustakaan sahaja dengan merujuk kepada bahan-bahan bacaan yang berautoriti bagi mendapatkan penjelasan secara umum mengenai kesan terhadap amalan pinjaman ke atas individu. Data-data diperolehi melalui bahan-bahan bacaan berautoriti serta media masa arus perdana seperti artikel-artikel dalam akhbar harian, berita-berita utama dalam saluran televisyen dan majalah-majalah kewangan yang biasanya menjadikan satu isu Negara sebagai bahan bacaan dan tontonan.

4.0 KESAN PINJAMAN DALAM KEHIDUPAN

4.1 Kesan Baik

a. Penyusunan Semula Pinjaman (Sinar Online, diakses pada 25 Mac 2017)

Pinjaman peribadi berupaya untuk menyusun semula pinjaman sekiranya pinjaman-pinjaman sebelumnya mempunyai kadar faedah yang lebih tinggi seperti hutang kad kredit. Penyusunan semula pinjaman dapat membantu peminjam untuk menyesuaikan bayaran semula pinjaman dengan kadar yang lebih rendah (Kosmo Online, diakses pada 9 September 2016).

b. Membeli Rumah (Kosmo Online, diakses pada 9 September 2016)

Pinjaman peribadi juga boleh digunakan untuk membeli tanah, rumah dan membina kediaman sendiri. Berdasarkan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), permintaan tanah dan rumah yang tinggi menyebabkan kenaikan harga harta-harta tersebut. Oleh itu, pembelian tanah dan rumah dikira sebagai aset yang menjadi pelaburan pada masa akan datang (Sinar Harian Online, diakses pada 13 September 2016).

c. Memulakan Perniagaan (Kosmo Online, diakses pada 9 September 2016)

Pinjaman peribadi juga berperanan sebagai penyuntik modal untuk memulakan perniagaan. Melalui perniagaan yang dijalankan, peminjam dapat menjana kewangan seterusnya berupaya untuk membayar semula pinjaman yang telah dibuat. Tidak menjadi suatu keganjilan apabila seseorang individu yang bekerja dan dalam masa yang sama menjalankan aktiviti perniagaan, yang penting mereka pandai membahagikan masa antara keduanya. Maka, pinjaman peribadi ini seharusnya dimanfaatkan oleh individu dan isi rumah untuk menceburi bidang perniagaan (Harian Metro Online, diakses pada 22 Mac 2017).

- d. Membuat Persiapan Majlis Perkahwinan (KPDNKK, diakses pada 22 Mac 2017)

Terdapat juga peminjam dalam kalangan belia yang meminjam wang untuk kegunaan persiapan majlis perkahwinan. Penggunaan wang pinjaman untuk majlis perkahwinan adalah sesuatu yang baik namun penangungan hutang selepas itu hendaklah diurus dengan sempurna.

- e. Membuat Urusniaga Saham

Pinjaman peribadi juga boleh digunakan untuk menjalankan transaksi urusniaga saham tempatan. Namun begitu, urusniaga saham mempunyai risiko yang tinggi dari sudut pulangannya. Justeru, hanya mereka yang mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam selok belok saham sahaja yang boleh menceburi bidang ini kerana ia mempertaruhkan wang pinjaman (Harian Metro Online, diakses pada 22 Mac 2017).

4.2 Kesan Tidak Baik

- a. Bankrap (LEAD, diakses pada 25 Mac 2017)

Laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia dari tahun 2005 hingga 2010, Pinjaman peribadi menduduki carta kedua daripada jumlah keseluruhan kebangkrupan yang telah ditadbir urus oleh mereka. Carta tersebut adalah seperti berikut :

Jadual 1: Statistik Kebankrapan Yang Ditadbir Urus Jabatan Insolvensi Negara

Kategori Kes Kebankrapan Yang Ditadbir Dari 2005 Hingga 2010			
Bil.	Kategori	Jumlah Kes	Peratus %
1.	Sewabeli Kenderaan	22,545	24.8
2.	Pinjaman Peribadi	10,990	12.09
3.	Pinjaman Perniagaan	9,929	10.92
4.	Pinjaman Perumahan	8,155	8.97
5.	Penjamin Korporat	4,889	5.38
6.	Hutang Kad Kredit	4,791	5.27
7.	Penjamin Sosial	4,396	4.84
8.	Hutang Cukai Pendapatan	884	0.97
9.	Pinjaman Pelajaran	159	0.18
10.	Keberhutangan Yang Lain	24,160	26.58
Jumlah		90,898	100

*Laporan ini diadaptasi daripada Laporan Jabatan Insolvensi Negara (Diakses pada 18 Oktober 2016)

b. Membuat Kerja Sambilan Untuk Membayar Semula Pembiayaan

Terdapat bagi mereka yang sedang bekerja terutama penjawat awam dalam kumpulan sederhana dan bawahan adalah yang paling ketara membuat pinjaman sama ada perumahan, kenderaan atau pinjaman peribadi. Bebanan hutang yang ditanggung menyebabkan mereka terpaksa membuat kerja tambahan siang dan malam bagi menampung pembayaran semula pinjaman dan meneruskan kelangsungan hidup. Anggaran sebanyak 5 peratus dalam kalangan penjawat awam membuat kerja sampingan seperti membawa teksi. Bahkan yang paling teruk adalah tidak datang kerja kerana tidak mempunyai wang (Utusan Online, diakses pada 12 Mac 2017), (Utusan Online, diakses pada 28 Mac 2017). Penglibatan dalam kerja tambahan bagi menampung bayaran hutang turut berpotensi mewujudkan tahap kesibukan yang berlebihan, sekali gus mengurangkan masa berkualiti bersama keluarga.

c. Terlibat Dalam Pinjaman Dengan “*Ah Long*”.

Menurut laporan pada tahun 2002 daripada mantan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) bahawa terdapat penjawat awam yang boros dalam berbelanja dan mendorong mereka untuk membuat pinjaman peribadi dengan institusi perbankan. Bahkan mereka akan meminjam dengan “*Ah Long*” untuk mendapatkan tunai yang segera bagi membayar semula pinjaman perbankan serta meneruskan kelangsungan hidup (Utusan Online, diakses pada 28 Mac 2017).

d. Terlibat Dalam Gejala Rasuah dan Pecah Amanah (JAKIM, diakses pada 29 Mei 2017)

Penanggungan hutang yang tinggi juga boleh menyebabkan berlakunya pecah amanah dan rasuah dalam kalangan pekerja terutama yang melibatkan sektor penguatkuasaan. Cara ini walaupun salah menurut agama tetapi tetap diamalkan kerana untuk mendapatkan tunai secara mudah bagi menampung kehidupan mereka yang sempit disebabkan hutang. Menurut kajian yang dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), terdapat pelbagai faktor yang mendorong pekerja terlibat dalam gejala rasuah ini seperti penanggungan pinjaman yang tinggi, gaya hidup yang mewah dan tahap integriti yang rendah (SPRM, diakses pada 31 Mac 2017). Kes-kes rasuah dan salah guna kuasa amat serius berlaku di tiga sektor awam iaitu dalam sektor penguatkuasaan, perolehan dan berprofil tinggi (Utusan Online, diakses pada 31 Mac 2017).

e. Prestasi Kerja Yang Menurun

Kenyataan daripada mantan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CEUPACS) semasa Seminar Alternatif Penilaian Tahap Kompetensi (PTK) di Melaka pada 16 Mac 2011 ada menyatakan penanggungan hutang juga mempengaruhi terhadap prestasi kerja kerana jiwa dan hati yang tidak tenteram disebabkan memikirkan jumlah baki pendapatan semasa serta perbelanjaan diri sendiri dan keluarga seterusnya.

f. Perceraian

Penanggungan hutang yang banyak juga boleh mendorong berlakunya porak peranda dalam institusi kekeluargaan sehingga membawa kepada perceraian (Utusan Online, diakses pada 28 Mac 2017)¹⁹. Ini disebabkan tekanan yang dihadapi oleh pasangan masing-masing sehingga berlakunya saling tidak mempercayai dan salah menyalahi antara satu dengan yang lain.

g. Menghadapi Masalah Kesihatan

Hasil kajian yang dijalankan oleh The Consumer Credit Counselling Service pada tahun 2010 terhadap 372 orang pelanggannya mendapati bahawa masalah hutang memberi kesan terhadap tahap kesihatan peminjam, dengan hampir 50 peratus daripada responden mengalami implikasi tersebut (Sinar Harian, 31 Oktober 2014).

h. Masalah Peribadi Yang Buruk (JAKIM, diakses pada 29 Mei 2017)

Rasulullah SAW sendiri memohon doa agar dirinya dijauhi daripada tanggungan hutang kerana ia boleh membawa kepada masalah keperibadian yang tidak baik seperti berbohong, mungkir janji dan yang lebih teruk lagi adalah mereka yang berhutang dengan niat memang tidak mahu membayarnya semula²⁰. Menurut Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Perkhidmatan Awam (CEUPACS), Datuk Azih Muda semasa merasmikan Seminar Hari Pekerja pada 31 April 2017 bahawa seramai lebih 49 ribu penjawat awam berdepan risiko muflis. Mereka membuat pinjaman peribadi melebihi kemampuan gaji mereka. Penjawat awam sanggup menipu dengan memalsukan slip gaji mereka untuk mendapatkan pinjaman. Pemalsuan dokumen merupakan antara permasalahan peribadi dan kesalahan yang besar dalam perkhidmatan.

5.0 PENUTUP

Kerajaan juga berusaha untuk mengawal hutang isi rumah agar tidak menjadi bebanan kepada mereka. Kawalan hutang ke atas isi rumah ini merupakan satu kepentingan bagi memastikan ekonomi Malaysia kukuh. Jika berlakunya krisis ekonomi, ia akan turut memberi kesan kepada pendapatan isi rumah. Inilah sebabnya hutang ini perlu dikawal. Antara kawalan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia melalui Bank Negara Malaysia adalah menghadkan tahun pembayaran semula pembiayaan peribadi daripada 20 tahun kepada 10 tahun. Pelaksanaan peraturan menghadkan tempoh pembiayaan peribadi ini, mampu mengelakkan hutang isi rumah yang tinggi. Langkah itu juga dapat mendidik rakyat supaya sentiasa prihatin dan peka dengan isu kewangan.

¹⁹ Kajian yang telah dilakukan oleh The Consumer Credit Counselling Service pada 2010 ke atas 372 pelanggan mereka mendapati bahawa masalah hutang memberi kesan ke atas perhubungan suami dan isteri adalah sebanyak 37 peratus.

²⁰ Bukhari : 798, *Bāb al-du`ā qabl al-salām*, Al-`Asqalānī, Ibnu Hajar (1986), *Fath al-Bārī bi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Dār al-rayyān li al-turāṣ. Muslim : 589, *Bāb mā yusta`āz minh al-solāt*, Al-Naisābūrī, Muslim Bin al-Hajjāj (t.t), *Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar al-`Adl `an al-`Adl ilā Rasūl Allāh SAW*, Dār Ihyā' Turāṣ al-`Arabī : Beirut.

Sumbangan Pengarang

Yahya, M. A., menulis dan menyiapkan pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; Manakala Othman, S. H., Abu Hassan, S., Abd Wahab, N. J. Dan Duerama, H.; membuat penyediaan keseluruhan artikel yang dilaksanakan secara bersama.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Abdul Basit Hodari, et al. (2014), *Hutang dan Golongan Muda di Malaysia : Satu Kajian Awal*, Prosiding PERKEM ke-9, hlm. 833-844.

Abdul Karim Zaidan (2009), *Al-Madkhal li Dirāsah al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, Muassasah al-Risālah al-Nāsyirūn : Beirut : Lubnan.

Abdul Karim Zaidan (1993), *Al-Wajīz fi Uṣūl al-Fiqh, Dār al-Tauzī' wa al-Nasyr al-Islāmiyyah* : Mesir.

Ady Cahyadi (2014), *Mengelola Hutang Dalam Perspektif Islam*, Jurnal Bisnis dan Manajemen, vol. 4, no. 1.

Al-Bukhari, Muhammad Bin Ismail (1993), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Dār Ibnu Kaṣīr : Damsyiq.

Al-Ghazali, Abu Hamid (1993), *Al-Muṣṭaṣfā*, Dār al-Kutūb al-ʿIlmiyyah : Beirut.

Al-Nasa'i, Abu Abdul Rahman (1986), *al-Sunan al-Ṣughrā li al-Nasā'ī*, Maktabah al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah.

Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya Bin Syarf (1991), *Rauḍah al-Ṭālibīn*, Al-Maktab al-Islāmīy, _____.

Al-Qurtubi, Muhammad Bin Ahmad al-Ansari (t.t), *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, Dār al-Fikr : Beirut.

Al-Sabuni, (1973), *Tafsīr Ibnu Kaṣīr*, Dār al-Qur'ān al-Karīm : Beirut.

Al-Suyuti et al (t.t.), *Tafsīr al-Jalālain*, Dār al-Ḥadīṣ : Kaherah, cet. 1.

Al-Tirmizi, Muḥammad Bin ʿIsā (1998), *Sunan Al-Tirmizī*, Dār al-Gharb al-Islāmīy : Beirut.

Al-Zuhayli, Wahbah (1985), *Al-Fiqh al-Islāmīy wa Adillatuh*, Dār al-Fikr : Beirut.

Al-ʿAsqalani, Ibn Hajar (1986), *Fath al-Bārī bi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Dār al-Rayyān li al-Turāth.

Afif Abdullah (2010), *Adakah Gaji Minima Cara Terbaik Untuk Membantu Golongan Miskin*, Institute For Democracy and Economic Affairs (IDEAS), Kuala Lumpur. Afif Abdullah adalah felo di Institute For Democracy and Economics Affairs, lihat [www. IDEAS.org.my](http://www.IDEAS.org.my).

Ahmad Kamri Abd Mubi et al. (t.t.), *Konsep Keperluan Menurut Islam*,

- Ahmad Nizam (2014), *Gaya Hidup Pengguna Muslim Bank Islam di Banda Aceh*, Jurnal Manajemen dan Inovasi : Universitas Syiah Kuala-Banda Aceh, vol. 5, hlm. 1 – 21.
- Azlina Zainal Abidin et al. (2013), *Jurang Pendapatan dan Hutang Isi Rumah*, Prosiding PERKEM VIII, Jilid 1
- Basri Abd Ghani et al. (t.t.), *Konsep Penggunaan Dari Perspektif Ekonomi Islam*, Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan.
- Charon Wardini Mokhzani (2016), *Kemiskinan dan Pendapatan Isi Rumah*, Persidangan Meja Bulat : Isu dan Cabaran Institusi Zakat di Malaysia : Institut Kajian Tinggi Islam Antarabangsa dan Lembaga Zakat Selangor.
- Fadilah Mat Nor et al. (2014), *Pelaksanaan Model Ekonomi Baru – Satu Penilaian Menurut Keperluan Maqasid Syariah*, E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014), 26-27 May 2014.
- Fidlizan Muhammad et al. (2015), *Kehidupan Kelas Menengah Malaysia : Satu Kajian Kes Mengenai Corak Perbelanjaan Guru Dalam Pemilikan Aset dan Pelaburan Kewangan*, *Malaysian Journal of Society and Space*, 11, hlm. 1-13.
- Haryani Abdul Hamid et al. (2015), *Hutang Isi Rumah dan Upah Benar*, Prosiding PERKEM : UKM, jld. 10, hlm. 547-557.
- Ishak Hj Abd Rahman et al. (2004), *Pentadbiran Gaji dan Upah Menurut Perspektif Islam – Satu Tinjauan Umum*, *Ulum Islamiyyat*, vol.3 No. 1.
- Ibn Kathir (1999), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah : Beirut, cet. 1.
- Ibn Majah (t.t.), *Sunan Ibnu Mājah*, Dār ihyā' al-Kutūb al-'Arabiyyah, _____.
- Ku Ahmad Fataksya Ku Talib (t.t.), *Teori Hierarki Keperluan Maslow Menurut Islam* _____.
- Laily Paim et al (1997), *Pendapatan dan Pembelanjaan Pekerja Migran Wanita : Suatu Perbandingan Antara Sektor Awam, Industri dan Jualan*, *Jurnal Social, Society and Humanities* : Universiti Putra Malaysia, hlm. 83-91.
- M. Jasni Majid (2017), *Memahami Kesan Kos Sara Hidup*, Utusan Malaysia bertarikh 3 April 2017.
- Mastura Mohamad et al. (2014), *Sejauh Manakah Bebanan Hidup Belia*, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia : _____.
- Mei Pheng Lee, Ivan Jeron Detta (2007), *Islamic Banking & Finance Law*. Pearson Sdn. Bhd. Petaling Jaya : Selangor.
- Mustafa al-Khin et al. (1996), *Al-Fiqh Al-Manhajī 'alā Mazhab Al-Imām Syāfi'ī*, Dār al-Qalam : Damsyiq
- Mohammad Ikmal Kadir (t.t), *Pendapatan, Perbelanjaan dan Kebajikan Isi Rumah*, _____.
- Mohammad Taqiudin Mohamad et al. (2012), *Kelakuan Perbankan Islam Dalam Menguruskan Pembiayaan di Malaysia*, *Asian Journal of Accounting and Governance*, 3, hlm. 29-38.
- Mohd Farhan Ahmad dan Mohd Adib Ismail (2011), *Pendekatan Baru Pembiayaan Peribadi Satu Cadangan*, Prosiding PERKEM VI, Jilid 2
- Mohd Koharudin Mohd Balwi et al. (2012), *Etika Kerja Dalam Kalangan Penjawat Awam Malaysia : Perbincangan Makro dan Mikro Ke Atas Pembuatan*

- Keputusan Etika*, Jurnal Teknologi : Universiti Teknologi Malaysia, hlm. 57-62.
- Mohd Yusof Saari, *Kesan Harga Makanan Pengaruhi Kos Sara Hidup*, Institut Kajian Dasar Pertanian & Makanan : Universiti Putra Malaysia.
- Naimah Mohd Salleh et al. (2014), Pola Perbelanjaan Awal Musim Persekolahan, *Jurnal Pengguna Malaysia*, 15, hlm 32 – 49.
- Norain Mod Asri et al. (2016), Pola Perbelanjaan dan Tabungan Serta Status Pembiayaan Dalam Kalangan Pemiutang Kenderaan, Peribadi dan Kad Kredit di Selangor, *Jurnal Pengguna Malaysia*, 26, hlm. 94-111.
- Nor Dina Abdullah et al. (2010), Masalah Kewangan Dalam Kalangan Keluarga Berpendapatan Rendah di Semenanjung Malaysia, *Jurnal Pengguna Malaysia*, 15.
- Nuraini Abdullah et al. (2013), Pengurusan Kewangan Dalam Kalangan Pekerja Muda, *Jurnal Pengguna Malaysia*, 21.
- Nurshuhaida Abdul Razak et al. (2012), *Perbezaan Analisis Kepenggunaan Menurut Ekonomi Konvensional dan Ekonomi Islam*, Prosiding PERKEM vii, jilid 2, hlm 1461 – 1470.
- Nursyamimi Saidi (2016), *Bijak Berbelanja Pada Musim Perayaan*, Berita Harian bertarikh 24 Mei 2016
- Rusli Ahmat et al. (2007), *Sistem Penilaian Prestasi Sektor Awam di Malaysia : Pemikiran Semula Terhadap Peranan dan tanggungjawab Pegawai Penilai Prestasi*, Jurnal Kemanusiaan, jld. 10.
- Surtahman Kastin Hasan (2002), Perbelanjaan Manfaat dan Tidak Membazir Mengikut Perspektif Islam, *Jurnal Syariah*, hlm. 87 – 98.
- Syahnaz Sulaiman (t.t.), *Konsep Pinjaman Menurut Perspektif Islam*, JAKIM,
-
- Zuroni Mat Jusoh et al. (2014), *Sikap dan Amalan Perbelanjaan Pengguna Pada Musim Perayaan*, Jurnal Pengguna Malaysia, Jld 15, hlm. 88 – 98.

Laman Web Rasmi

- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
- AKPK Ambil Langkah Lebih Proaktif Terap Pendidikan Kewangan Kepada Mahasiswa, <https://www.akpk.org.my/my/news>, diakses pada 6 Mei 2017.
- AKPK Selesai Masalah Kewangan RM 476.6 Juta, <https://www.akpk.org.my/my/news>, diakses pada 8 Mei 2017.
- Kerajaan Terus Anjur Program Mengurus Kewangan, <https://www.akpk.org.my/my/news>, diakses pada 8 Mei 2017.
- Perbelanjaan Berhemah Tangani Kos Sara hidup (13 Mac 2014), <https://www.akpk.org.my/content/610-perbelanjaan-berhemah-tangani-kos-sara-hidup>, diakses pada 17 Ogos 2017.
- Profil Hutang AKPK dalam e-muamalat.islam.gov.my/sites/default/files/akhbar.../10/profil_hutang_akpk.pdf, diakses pada 29 September 2016.

Astroawani

Hutang Isi Rumah Antara Yang Tertinggi di Asia, <http://www.astroawani.com/videos/show/buletin-awani/hutang-isi-rumah-antara-tertinggi-di-asia-11300>, diakses pada 6 Oktober 2015.

Langkah Membendung Kenaikan Hutang Isi Rumah, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/langkah-membendung-kenaikan-hutang-isi-rumah-17888>, diakses pada 6 Oktober 2015. Laporan ini merupakan temubual diantara pihak Astro Awani dengan Prof. Dr. Rajah Binti Rasiah, Dekan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.

Malaysia Antara Negara Berhadapan Hutang Isi Rumah Yang Meningkatkan, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-antara-negara-berhadapan-hutang-isi-rumah-yang-meningkat-19201>, diakses pada 6 Oktober 2015. Video ini adalah pernyataan daripada Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan.

Nuradila Noorazam (2016), *Gaji Tidak Setara Faktor Utama Peningkatan Kos Sara Hidup di Malaysia*, Astroawani pada 23 September 2016, lihat laman web rasmi astroawani <http://www.astroawani.com/berita-bisnes/gaji-tidak-setara-faktor-utama-peningkatan-kos-sara-hidup-di-malaysia-117473>, di akses pada 27 Mei 2017.

Berita Harian

Membazir Ketika Perayaan Menjejeas Ekonomi, <http://www.bharian.com.my/node/170195>, diakses pada 13 Mac 2017)

Zulkiply Omar (2016), *Peningkatan Kos Sara Hidup*, Berita Harian Online bertarikh 10 Februari 2016 dalam <http://www.bharian.com.my/node/122913>.

<http://www.bharian.com.my/node/43564>, diakses pada 7 Oktober 2015. Berikut merupakan pernyataan Timbalan Menteri Kewangan, Dr. Ahmad Maslan.

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Elak Pinjaman Peribadi, Elak Kad Kredit, Elak Hutang, <http://www.ikim.gov.my/index.php/en/buletin/8345-elak-pinjaman-peribadi-elak-kad-kredit-elak-hutang>, diakses pada 9 September 2016.

Hutang Membantu Atau Membelenggu, <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/berita-harian/7946-hutang-membantu-atau-membelenggu>, diakses pada 17 Ogos 2016.

Peningkatan Hutang Isi Rumah dan Peranan Masyarakat, <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/sinar-harian/9094-peningkatan-hutang-isi-rumah-dan-peranan-masyarakat> diakses pada 30 Jun 2015

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Hutang Isi Rumah Masih Terkawal, <http://e-muamalat.gov.my/akhbarmajalah/hutang-isi-rumah-masih-terkawal>, diakses pada 25 Mac 2017)

Bahaya Hutang Tetapi Anda Tidak Menyedarinya, <http://e-muamalat.islam.gov.my/artikel/bahaya-hutang-tapi-anda-tidak-menyedarinya>, diakses pada 29 Mei 2017

- Utusan Malaysia Online
Beban Hutang Gugat Kebahagiaan,
http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140120/re_05/Beban-hutang-gugat-kebahagiaan, diakses pada 28 Mac 2017.
- Belanja Tahun Baru Cina Naik, <http://m.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/belanja-tahun-baharu-cina-naik-1.437347>, di akses pada 11 Mac 2017.
- Belia Muflis Akibat Berbelanja di Luar Kemampuan,
http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140415/re_05/Belia-muflis-akibat-belanja-luar-kemampuan, diakses pada 9 September 2016.
- Bendung Kenaikan Hutang Isi Rumah,
<http://www.utusan.com.my/rencana/bendung-kenaikan-hutang-isi-rumah-1.342651>, diakses pada 20 Februari 2017.
- Budaya Integriti Penjawat Awam, lihat <http://www.utusan.com.my/rencana/budaya-integriti-penjawat-awam-1.206016>, diakses pada 31 Mac 2017.
- Gejala Rasuah Penjawat Awam Serius, lihat
<http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/gejala-rasuah-8232-penjawat-awam-serius-1.453694>, diakses pada 31 Mac 2017.
- Had Tempoh Pinjaman Peribadi,
http://ww1.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20130706/ek_01/Had-tempoh-pinjaman-peribadi, diakses pada 17 Oktober 2017.
- Hutang Isi Rumah Meningkatkan,
http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130616/dn_05/Hutang-isi-rumah-meningkat#ixzz3dxbXzLS2 diakses pada 24 Jun 2015.
- Kakitangan Awam dibebani Hutang,
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0809&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_08.htm, diakses pada 12 Mac 2017.
- Kos Tinggi Punca Lambat Kahwin,
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0105&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm&arc=hive, diakses pada 10 November 2017.
- Pengguna Perlu Lebih Bijak, <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/pengguna-perlu-lebih-bijak-1.464669>, diakses pada 17 Ogos 2017.